

BH 16 JUN 2015
(SELASA)

8 NASIONAL

9 universiti awam ditegur

Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2 dikeluarkan semalam membuat teguran terhadap sembilan universiti awam membabitkan pengurusan perolehan.

Ini merangkumi proses perolehan perkhidmatan atau barangan yang tidak mengikut tatacara perolehan secara sebut harga, perolehan dipecah kecil, kelewatan kontrak, kelewatan sesuatu projek disiapkan dan tempoh lanjutan sesuatu kontrak.

Antaranya Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UITM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Tak ikut tatacara, sebut harga

UM misalnya ditegur apabila mendapati sembilan daripada 25 perolehan perkhidmatan penginapan, makan minum dan sewaan dewan atau bilik mesyuarat bagi penganjuran majlis rasmi bernilai RM610,835 di universiti itu dilaksanakan tanpa kelulusan kerana tidak mengikut tatacara perolehan secara sebut harga.

Audit juga mendapati pegawai Pusat Tanggungjawab (PTj) terbabit tidak memohon pengecualian sistem e-procurement yang digunakan di universiti awam itu mulai Mac 2011, tidak mempelawa sebut harga dan berunding secara terus dengan pihak pembekal.

241 cadangan penambahbaikan

Sebanyak 241 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri membuat penambahbaikan dan memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan 90 syor kepada Kerajaan Persekutuan, 56 syor kepada Badan Berkanun Persekutuan dan 95 syor kepada kerajaan negeri.

"Pengauditan dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan hasil, alam sekitar dan pengurusan syarikat," katanya.

Dapat perkenan Seri Paduka

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 dibentangkan di Parlimen semalam selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Beliau berkata, dalam Laporan Siri 2 itu, sebanyak 57 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dilaksanakan di peringkat persekutuan, negeri dan Badan Berkanun Persekutuan.

Ambrin berkata Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Laporan Maklum Balas ke atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada Ketua Perkhidmatan terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.